

Kata Ganti Nama Diri

Latihan bertubi-tubi

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Bryan seorang murid yang pintar ____ belajar di kelas 6 jujur.

- A Hamba
- B patik
- C saya
- D Dia

2 “ ____ akan berjumpa dengan Cikgu Harum pada petang nanti” kata David kepada Siti.

- A Beta
- B Saya
- C patik
- D kami

3 “Bolehkah ____ tunjukkan jalan ke perpustakaan Negara?” kata Devi kepada gadis itu.

- A mereka
- B kamu
- C beliau
- D dia

4 “ ____ perlu mengalahkan pasukan lawan supaya dapat melayakkan diri ke pusingan seterusnya,” kata ketua pasukan bola keranjang itu kepada ahli-ahlinya.

- A kami
- B beliau
- C Kita
- D saya

5 “ ____ akan menurut perintah, tuanku,” kata Hang Tuah kepada sultan.

- A Hamba
- B beta
- C baginda
- D Patik

6 Murid-murid itu didenda oleh Cikgu Lim kerana _____ tidak menyiapkan kerja sekolah.

- A dia
- B mereka
- C anda
- D beliau

7 Puan Mastura ialah Guru Besar SJK (C) Ching Mun. _____ telah berkhidmat di sekolah itu selama hampir tujuh tahun.

- A baginda
- B beta
- C hamba
- D patik

8 “ _____ berjanji akan membangunkan kawasan ini” titah Sultan Sulaiman.

- A baginda
- B beta
- C hamba
- D patik

9 Cikgu Faizal memuji Wai Ling atas tindakan _____ menolong seorang mangsa kemalangan pada pagi tadi.

- A anda
- B -nya
- C dia
- D ia

10 _____ mestilah taat kepada ibu bapa kerana merekalah yang membesarkan kita.

- A Tuanku
- B Mereka
- C Kita
- D kami

11 “ Wahai pelajar-pelajar , _____ hendaklah belajar bersungguh-sungguh hingga berjaya ke menara gading!” nasihat Guru Besar kepada kami.

- A kalian
- B engkau
- C kami
- D saya

12 “Lebih baik _____ segera pergi menelefon pihak bomba,” arah Kai Weng kepada kawannya apabila ternampak kebakaran.

- A saya
- B mereka
- C dia
- D kamu

13 Sultan Johor akan menghadiri majlis itu. _____ akan diiringi oleh Menteri Besar Johor.

- A Beliau
- B Baginda
- C beta
- D patik

14 “_____ berasal dari mana?” tanya Encik Abu kepada pemuda itu.

- A kamu
- B kalina
- C aku
- D dia

15 “Bilakah _____ akan berjumpa dengan duta dari negara itu?” tanya bendahara kepada Sultan Iskandar.

- A beta
- B kamu
- C tuanku
- D hamba

16 “_____ akan pergi ke pameran buku yang diadakan di dewan serba guna itu,” kata Jesus dan Johan kepada Ang.

- A aku
- B kami
- C kita
- D saya

17 Sekumpulan perompak berjaya melepaskan diri. _____ telah melarikan sejumlah barang kemas yang bernilai RM 300 000.

- A Mereka
- B Engkau
- C Kita
- D anda

18 “Sandra , marilah _____pergi mendayung sampan di tasik itu,” kata Thini.

- A dia
- B kita
- C kamu
- D saya

19 _____ seorang wakil rakyat yang sentiasa menyelesaikan masalah penduduk di kawasan ini.

- A hamba
- B beliau
- C baginda
- D mereka

20 _____ berazam untuk memecahkan rekod kebangsaannya dalam temasya sukan itu.

- A dia
- B hamba
- C beta
- D -nya